

NO SOALAN :94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 03.08.2017**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil siasatan dan tindakan ke atas syarikat yang menjalankan skim cepat kaya (money games) JJPTR dan MRI sehingga menyebabkan pelabur-pelabur orang awam mengalami kerugian besar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan bersama yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas syarikat-syarikat yang disyaki terlibat di dalam aktiviti "*money game*" JJPTR (*JJ Poor To Rich*) dan MBI masih

berjalan. BNM juga telah menyenaraikan beberapa syarikat dalam "Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (SPPK)" atau "*Financial Consumer Alert*" di laman sesawang BNM sebagai peringatan kepada semua pengguna.

## SOALAN (95)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 OGOS 2017  
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING  
[SERDANG]

SOALAN :

**YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa projek BRT dirancangkan sebagai projek Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*) dan bukan projek 100% dibiayai oleh Kerajaan Malaysia seperti projek LRT dan MRT.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Bus Rapid Transit* (BRT) dari Kuala Lumpur ke Klang adalah salah satu projek pengangkutan awam yang dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh Kerajaan. Memandangkan projek ini mempunyai potensi untuk dilaksanakan secara kerjasama awam swasta (*public private partnership* – PPP), Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah melaksanakan proses *request for proposal* (RFP) dan menjemput pihak swasta untuk mengemukakan cadangan pelaksanaan projek secara PPP.

Adalah dilaporkan bahawa SPAD telah menerima beberapa cadangan daripada pihak swasta berhubung pelaksanaan projek ini melalui proses RFP tersebut dan ia masih dalam peringkat penilaian untuk keputusan akhir Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

3 Ogos 2017